

THE MODUS OPERANDI OF CROWDFUNDING CRIMES THROUGH DIGITAL WAQF: ISSUES AND CHALLENGES UNDER SHARIAH LAW

MODUS JENAYAH *CROWDFUNDING* MELALUI WAKAF DIGITAL: ISU DAN CABARAN MELALUI PERUNDANGAN SYARIAH

TUAN MUHAMMAD FARIS HAMZI TUAN IBRAHIM*

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Teknologi Malaysia (UTM),
81310, Skudai, Johor, Malaysia
tuanfaris.tf@gmail.com

AHMAD SYUKRAN BAHARUDDIN

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
ahmadsyukran@usim.edu.my

MOHAMAD ANIQ AIMAN ALIAS

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
aniqalias@usim.edu.my

*Corresponding author: tuanfaris.tf@gmail.com

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 13/3/2025: REVISED – 30/4/2025: ACCEPTED – 8/5/2025)

ABSTRACT

The digital transformation has significantly altered the landscape of waqf management, introducing the concept of digital waqf through crowdfunding platforms as an essential innovation in advancing the socio-economic development of the Muslim community. This study critically examines the

criminal *modus operandi* in digital waqf crowdfunding and evaluates the associated challenges within the framework of Shariah law in Malaysia. Employing a qualitative approach and document analysis, the study identifies several fraudulent techniques including emotional exploitation, visual manipulation, and the misuse of religious sentiment to solicit donations from unsuspecting donors. These issues are exacerbated by the absence of a national regulatory standard, limitations in inter-state enforcement, and the inadequacy of existing legal provisions, which currently prescribe only minimal penalties for related offences. The study further reveals that inconsistencies in legal administration between states, the lack of an integrated technological system for waqf governance, and the absence of a dedicated act governing digital waqf crowdfunding have created significant gaps in transparency and accountability, enabling widespread exploitation. Based on these findings, the study proposes several policy reforms, including the formulation of a unified national standard, the adoption of blockchain technology to permanently record and monitor waqf transactions, and the implementation of stricter legal enforcement tailored to the complexities of modern digital crimes.

Keywords: digital waqf, crowdfunding, shariah legislation, waqf management, waqf fraud syndicate

ABSTRAK

Transformasi digital telah merubah landskap pengurusan wakaf, sekali gus memperkenalkan konsep wakaf digital melalui platform *crowdfunding* sebagai satu inovasi penting dalam pembangunan sosioekonomi umat Islam. Kajian ini meneliti secara kritikal *modus jenayah* dalam kutipan *crowdfunding* wakaf digital serta menilai cabaran perundangan syariah yang berkaitan di Malaysia. Melalui pendekatan kualitatif dan analisis dokumen, kajian ini mengenal pasti pelbagai *modus operandi* jenayah termasuk eksploitasi emosi, manipulasi visual, dan penyalahgunaan sentimen agama dalam meraih simpati penderma. Isu ini menjadi lebih kompleks dengan ketiadaan standard nasional, batasan penguatkuasaan rentas negeri, serta ketidakcukupan peruntukan undang-undang sedia ada yang hanya memperuntukkan hukuman ringan bagi kesalahan berkaitan. Kajian turut mendapati bahawa ketidakselarasan antara negeri, ketiadaan sistem teknologi pengurusan bersepadu, dan ketiadaan akta

husus bagi *crowdfunding* wakaf digital telah mewujudkan jurang ketelusan dan akauntabiliti yang membolehkan ruang eksploitasi berlaku secara meluas. Berdasarkan dapatan tersebut, kajian ini mencadangkan beberapa pembaharuan dasar, termasuk penggubalan piawaian nasional, penerapan teknologi *blockchain* bagi merekod dan memantau transaksi wakaf secara telus, serta penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas dan relevan dengan kesalahan digital semasa.

Kata Kunci: wakaf digital, *crowdfunding*, perundangan syariah, pengurusan wakaf, sindiket penipuan wakaf

1. PENDAHULUAN

Wakaf merupakan salah satu institusi penting dalam Islam yang berperanan besar dalam pembangunan sosioekonomi. Institusi wakaf telah wujud sejak zaman Rasulullah SAW dan terus berkembang sebagai mekanisme utama untuk memajukan masyarakat melalui pembiayaan projek-projek kebajikan dan keagamaan. Secara tradisional, wakaf melibatkan pemberian harta seperti tanah, bangunan, atau wang tunai untuk tujuan kebajikan dan keagamaan (Afifi, 2024). Menurut Al-Haitami (t.t.), wakaf adalah penahanan harta yang boleh memberi manfaat dengan mengekalkan fizikalnya dan mengagihkan manfaatnya kepada penerima yang layak. Konsep ini menekankan kepentingan harta yang kekal dan manfaat yang berterusan untuk masyarakat.

Dalam konteks sejarah Islam, wakaf telah memainkan peranan penting dalam membiayai pembangunan masjid, sekolah, hospital, dan infrastruktur awam (Md. Mahmudul et al., 2018). Sebagai contoh, pada zaman Khalifah Umar bin Abdul Aziz, wakaf turut berperanan dan digunakan untuk membiayai projek-projek kebajikan yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat (Kusumastuti & Ghazali, 2020). Namun, dengan perkembangan teknologi kewangan Islam (*fintech*), wakaf telah mengalami transformasi ke arah bentuk digital. Wakaf digital merujuk kepada penggunaan platform dalam talian untuk mengumpul, mengurus, dan mengagihkan dana wakaf. Transformasi ini membolehkan wakaf diuruskan dengan lebih efisien dan menjangkau lebih ramai penderma di seluruh dunia terutama di Malaysia. Terdapat juga pelbagai istilah lain yang turut digunakan untuk merujuk

kepada wakaf digital, seperti Wakaf Online dan Wakaf Elektronik (Manshor et al., 2024). Kesemua wakaf ini memberi penekanan kepada penggunaan teknologi digital, seperti internet, telefon pintar, serta sistem pengurusan digital, dalam pelaksanaannya.

Crowdfunding atau pembiayaan kumpulan pula adalah salah satu modus utama dalam wakaf digital. Ia membolehkan ramai orang menyumbang dana secara kolektif untuk projek-projek tertentu (Alam et al., 2023). Menurut Novitarani and Setyowati (2018), *crowdfunding* Islam mesti mematuhi prinsip syariah seperti larangan riba, *gharar* (ketidakpastian), dan *maysir* (judi). *Crowdfunding* berasaskan sumbangan (*donation-based crowdfunding*) adalah model yang sesuai untuk wakaf kerana ia tidak melibatkan pulangan kewangan kepada penderma, sebaliknya menumpukan pada tujuan kebajikan semata-mata (Al-Daihani et al., 2024).

Walaupun wakaf digital melalui *crowdfunding* menawarkan pelbagai kelebihan, ia turut berdepan isu kritikal berkaitan pengurusan aset digital, ketelusan, dan pematuhan syariah. Kekaburan status undang-undang wakaf digital, yang berbeza antara negeri, menyukarkan pelaksanaan secara seragam dan mematuhi kehendak syariah (Manshor et al., 2024). Tambahan pula, penyelewengan kutipan derma atas nama kebajikan melalui media sosial semakin membimbangkan. Rekod dari 2019-2023 sebanyak 85 kes penipuan derma disiasat melibatkan nilai berjumlah RM667845.00 (Bernama, 2024a). Pada Oktober 2023, polis menumpaskan sindiket yang memperalatkan sentimen amal untuk mengutip jutaan ringgit daripada orang ramai, melibatkan 55 individu (Bernama, 2024b). Pada Julai 2024 pula, seorang pengengaruh media sosial dan pasangannya direman atas dakwaan menyeleweng dana derma yang dikumpul secara dalam talian untuk kepentingan peribadi (Ramli, 2024). Walaupun laporan rasmi tidak secara eksplisit menggunakan istilah wakaf, naratif kutipan sering mengaitkan derma, infaq, dan wakaf bagi meraih simpati awam.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis modus jenayah *crowdfunding* melalui wakaf digital yang berlaku serta mengenal pasti isu dan cabaran perundangan syariah yang timbul. Penelitian ini amat penting kerana wakaf digital mempunyai potensi besar untuk meningkatkan sumbangan wakaf, namun ia juga memerlukan kerangka perundangan yang kukuh untuk memastikan kepatuhan syariah dan melindungi hak semua pihak

yang terlibat. Dengan memahami isu dan cabaran ini, penggubal dasar dan pengurus wakaf digital dapat mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan kejayaan dan keberkesanan wakaf digital dalam konteks moden.

2. SOROTAN LITERATUR

Konsep Wakaf dalam Islam

Wakaf berasal daripada perkataan Arab waqf yang bermaksud “menahan” atau “menghentikan”. Dalam istilah syarak, wakaf merujuk kepada penahanan harta yang kekal manfaatnya tanpa menghabiskan fizikal harta tersebut, dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT (Hisham & Muwazir, 2021). Konsep ini mempunyai dasar yang kukuh dalam al-Qur’an dan hadis. Antaranya, dalam surah Ali-Imran (3:92), Allah SWT berfirman:

﴿لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ٢٩﴾

Terjemahan: *Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.*

Dalam hadis, Rasulullah SAW bersabda:

Terjemahan: *Apabila anak Adam meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat, atau doa anak yang soleh.” (Riwayat Muslim).*

Wakaf termasuk dalam kategori sedekah jariah yang memberikan pahala berterusan kepada pewakaf.

Secara asasnya, wakaf melibatkan empat elemen utama: pewakaf (*waqif*), harta yang diwakafkan (*mawquf*), penerima manfaat (*mawquf ‘alaih*) dan *sighah* iaitu lafaz yang digunakan oleh pewakaf bagi mewakafkan harta tersebut. Harta yang diwakafkan mesti memenuhi beberapa syarat seperti bersifat kekal, bernilai manfaat, dan milik sah pewakaf. Manfaat harta

tersebut pula perlu diagihkan kepada penerima yang layak, sama ada individu, institusi, atau masyarakat umum.

Menurut Ibn Qudamah (1997), wakaf adalah menahan sesuatu harta agar manfaatnya dapat dimanfaatkan oleh masyarakat tanpa menjejaskan harta pokoknya.

Secara umumnya, wakaf terbahagi kepada dua kategori utama iaitu wakaf ahli (wakaf zuri) dan wakaf khairi. Selain itu, terdapat juga kategori lain seperti wakaf gabungan (*musytarak*), yang menggabungkan elemen kedua-dua wakaf tersebut. Kategori ini menjadikan wakaf fleksibel untuk memenuhi keperluan pewakaf, keluarga mereka, dan masyarakat umum.

Wakaf ahli atau wakaf zuri ditujukan kepada kebajikan ahli keluarga pewakaf. Menurut (Ahmad Sanusi et al., 2021), wakaf jenis ini dirancang untuk memberikan jaminan ekonomi kepada ahli keluarga pewakaf, terutamanya mereka yang kurang berkemampuan. Dalam konteks ini, pewakaf menahan aset seperti tanah, bangunan, atau sumber ekonomi lain untuk kegunaan dan manfaat keluarga mereka. Pelaksanaan wakaf keluarga pada zaman Rasulullah SAW turut dapat dilihat melalui amalan para sahabat seperti Abu Talhah, Zubair bin Awwam, dan Saidina Abu Bakar al-Siddiq, yang telah mewakafkan harta mereka untuk ahli keluarga, anak-anak, serta keturunan mereka (Daud et al., 2023). Wakaf ahli dilihat sebagai langkah penting untuk menjamin kestabilan sosial dan ekonomi keluarga pewakaf dalam jangka panjang. Walaupun manfaat wakaf ahli terhad kepada keluarga pewakaf sahaja, ia tetap dianggap sebagai amal jariah kerana manfaatnya berterusan kepada penerima. Wakaf khairi merupakan wakaf yang bertujuan untuk kepentingan awam. Manfaatnya meluas kepada masyarakat tanpa mengira bangsa, agama, atau latar belakang sosial. Contohnya, pembinaan masjid, sekolah, hospital, atau infrastruktur awam seperti jalan raya adalah sebahagian daripada projek wakaf khairi yang memberikan faedah kepada masyarakat umum (Ridwan, 2018).

Dalam konteks pembangunan masyarakat, wakaf khairi dianggap lebih inklusif dan mempunyai impak yang luas. Sebagai contoh, wakaf yang digunakan untuk pembinaan hospital tidak hanya memberikan perkhidmatan kesihatan kepada golongan miskin tetapi juga menyumbang kepada peningkatan taraf hidup masyarakat secara keseluruhan. Menurut Ridwan

(2018), wakaf khairi boleh menjadi instrumen utama dalam menangani isu kemiskinan dan pembangunan ekonomi dalam masyarakat Islam. Dalam era digital, wakaf khairi semakin berkembang dengan pengenalan konsep wakaf tunai dan wakaf digital. Platform digital seperti crowdfunding wakaf membolehkan individu menyumbang secara kecil-kecilan untuk projek kebajikan awam.

Selain wakaf ahli dan wakaf khairi, terdapat juga wakaf gabungan (musytarak). Wakaf ini menggabungkan manfaat kedua-dua jenis wakaf tersebut. Pewakaf boleh menetapkan bahawa manfaat wakaf diberikan kepada ahli keluarga mereka terlebih dahulu sebelum diagihkan kepada masyarakat umum (Ismayanti & Waliyuddinsyah, 2024). Sebagai contoh, seseorang boleh mewakafkan sebidang tanah yang hasilnya digunakan untuk menyara keluarganya, manakala lebihan hasil tersebut disalurkan untuk tujuan kebajikan awam seperti pembinaan masjid atau sekolah. Wakaf gabungan memberikan fleksibiliti kepada pewakaf untuk memenuhi keperluan keluarga sambil menjalankan tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

Relevansi Wakaf dalam Era Digital

Kemajuan teknologi digital telah membuka gerbang baru yang lebih besar dalam pelaksanaan wakaf, menjadikannya lebih inklusif, efisien, dan relevan dengan keperluan masyarakat moden. Konsep wakaf digital adalah satu inovasi yang menggabungkan tradisi Islam dengan teknologi moden seperti *crowdfunding* dalam talian, wakaf tunai elektronik, dan penggunaan teknologi digital untuk pengurusan wakaf. Wakaf digital membolehkan lebih ramai individu menyertai amalan wakaf, termasuk mereka yang tidak memiliki aset besar seperti tanah atau bangunan. Dengan adanya teknologi ini, seseorang boleh menyumbang secara kecil-kecilan tetapi berterusan, tanpa batasan geografi atau kewangan.

Sebagai contoh, di Malaysia, Yayasan Wakaf Malaysia telah memperkenalkan sistem wakaf tunai dalam talian yang memudahkan umat Islam untuk menyumbang melalui platform digital. Sistem ini menggalakkan penyertaan masyarakat umum dengan menyediakan akses yang mudah dan pantas kepada amalan wakaf, sekaligus meningkatkan jumlah penyertaan berbanding kaedah konvensional.

Menelusuri peringkat global, institusi seperti Islamic Development Bank (IDB) telah memainkan peranan penting dalam mempromosikan wakaf sebagai alat pembangunan ekonomi. IDB telah memperkenalkan beberapa program yang menggunakan wakaf untuk membiayai projek-projek infrastruktur sosial di negara-negara Islam, termasuk pembinaan hospital, sekolah, dan pusat kemahiran. Kajian oleh Kahf (1998) menunjukkan bahawa wakaf boleh menjadi alat penting dalam mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Wakaf, apabila digabungkan dengan teknologi moden, mempunyai potensi besar untuk menangani cabaran ekonomi dan sosial yang dihadapi oleh negara-negara membangun.

CROWDFUNDING DAN WAKAF DIGITAL

Crowdfunding dapat difahami sebagai suatu mekanisme yang melibatkan sumbangan kecil daripada sekumpulan besar individu bagi menyokong pembiayaan sesuatu projek kebajikan atau perusahaan (Mitra, 2012). Secara amnya, modus operandi pendanaan awam melibatkan tiga pihak utama, iaitu pihak yang memerlukan dana dan melaksanakan projek (*crowdfunder*), pihak yang memberikan sumbangan (*fundraiser*), serta pihak yang menguruskan platform digital bagi tujuan pengumpulan dana (Kunz et al., 2017). *Crowdfunding* telah menjadi fenomena yang semakin berkembang dalam bidang pengumpulan dana dalam talian sejak dekad lalu (Sidiq et al., 2021). Menurut Abdull Manaf et al., (2025) penggunaan platform *crowdfunding* dalam talian telah membuka ruang baharu kepada institusi wakaf untuk mengumpul dana secara lebih meluas dan efektif. Melalui capaian global yang ditawarkan, umat Islam dari pelbagai negara dapat menyumbang kepada projek wakaf secara langsung, sekali gus memperluaskan asas penderma dan meningkatkan sumber kewangan. Kempen *crowdfunding* membolehkan kutipan dana disasarkan kepada projek tertentu seperti pembinaan sekolah, masjid atau kemudahan kesihatan, yang seterusnya meningkatkan kadar penyertaan komuniti (Sidiq et al., 2021 & Abdull Manaf et al., 2025).

Terdapat beberapa platform antarabangsa seperti *GlobalSadaqah* dan *LaunchGood* telah memperkenalkan *crowdfunding* wakaf yang membolehkan masyarakat antarabangsa menyumbang kepada projek wakaf di mana-mana negara. Ini termasuk projek pendidikan, bantuan bencana, dan pembangunan masyarakat, di mana dana dikumpulkan melalui sumbangan kecil tetapi

kolektif dari pelbagai penyumbang. Model ini menjadikan wakaf lebih inklusif, membolehkan lebih ramai individu menyumbang tanpa mengira latar belakang kewangan mereka.

Namun begitu, di sebalik kemajuan ini, terdapat cabaran dan risiko yang perlu diberi perhatian. Salah satu isu utama adalah penyalahgunaan teknologi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Dalam beberapa kes, terdapat pihak yang mengambil kesempatan dengan menubuhkan platform wakaf palsu atau meminta sumbangan untuk projek yang tidak wujud. Dengan menggunakan laman web seperti *E-Commerce* atau *Sale Page* dan manipulasi data, mereka berjaya memperdaya masyarakat untuk menyumbang kepada “projek wakaf” yang tidak dapat disahkan kesahihannya. Fenomena ini bukan sahaja merosakkan kepercayaan masyarakat terhadap sistem wakaf digital tetapi juga mengakibatkan kerugian kepada penyumbang.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang berfokus kepada analisis dokumen sebagai pendekatan utama untuk mendapatkan pemahaman mendalam mengenai isu dan cabaran berkaitan wakaf digital. Pendekatan ini melibatkan pengumpulan dan analisis dokumen-dokumen rasmi, seperti akta, enakmen, dan peraturan yang berkaitan dengan wakaf dan jenayah syariah. Kaedah ini juga memanfaatkan jurnal akademik yang relevan, laporan kajian, serta laporan akhbar yang melaporkan kes-kes jenayah yang berkaitan sebagai sumber data sekunder. Kaedah analisis dokumen digunakan untuk mengenalpasti dan memahami kandungan, isu, serta cabaran berkaitan pengurusan wakaf digital. Analisis ini bertujuan untuk mengenalpasti pola, hubungan, dan implikasi undang-undang yang sedia ada terhadap pengurusan wakaf digital. Pendekatan ini membolehkan pengkaji mengintegrasikan maklumat daripada pelbagai sumber untuk memberikan gambaran yang lebih holistik dan mendalam.

4. DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Modus Jenayah *Crowdfunding* melalui Wakaf Digital

Dalam era digital, wakaf digital menjadi salah satu inovasi penting dalam pengurusan harta umat Islam. *Crowdfunding* berasaskan wakaf telah membuka peluang kepada individu di seluruh dunia untuk menyumbang kepada projek-projek kebajikan seperti pembinaan masjid, pembinaan telaga, sekolah agama, dan bantuan kemanusiaan melalui platform dalam talian. Namun, perkembangan positif ini juga sebenarnya membuka ruang kepada pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mengeksploitasi sistem tersebut demi kepentingan peribadi, terutamanya dengan menggunakan elemen sentimental agama sebagai alat manipulasi. Fenomena ini telah mencetuskan kebimbangan mengenai penyelewengan dan penipuan dalam wakaf digital, yang boleh merosakkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi pengurusan wakaf. Beberapa tema modus operandi yang dikenal pasti hasil analisis dokumen dan kes semasa adalah seperti berikut:

Eksplotasi Emosi: Naratif Sedih dan Menyayat Hati

Salah satu taktik paling dominan ialah penggunaan naratif emosi untuk menarik simpati penderma. Firdaus Wong Wai Hung, pengasas Pertubuhan Mualaf Pelbagai Bangsa (MRM), mendedahkan kewujudan sindiket penipuan yang mengeksploitasi sentimen emosi masyarakat Islam melalui penggunaan gambar dan keterangan yang menyentuh hati seperti anak yatim, bencana, atau penderitaan umat Islam (Yusop, 2021). Ungkapan seperti “*sumbangan anda menjadi sedekah jariah yang berpanjangan*” sering disertakan dengan naratif keagamaan, menjadikan penderma lebih cenderung untuk bertindak secara impulsif. Kajian oleh Sargeant dan Woodliffe (2007) menunjukkan bahawa emosi merupakan pemangkin utama dalam keputusan menderma, terutama apabila maklumat yang diberikan menyentuh aspek moral, spiritual dan empati. Hal ini disokong lagi oleh dapatan Kumar dan Chakrabarti (2021) yang mendapati bahawa rayuan negatif yang menekankan akibat buruk jika tidak membantu adalah sama ada lebih berkesan atau sekurang-kurangnya setara dengan rayuan positif dalam mendorong tingkah laku pendermaan sebenar. Mereka juga menegaskan bahawa walaupun rayuan

positif meningkatkan sikap baik terhadap iklan atau organisasi, ia bukanlah memberi keberangskalian kuat terhadap tindakan pendermaan sebenar.

Dalam konteks manipulasi wakaf digital, sindiket mengambil peluang terhadap kecenderungan ini dengan memfokuskan kepada naratif kesengsaraan dan akibat tragis, lalu mendorong penderma bertindak segera atas dorongan simpati, tanpa semakan lanjut terhadap kesahihan projek atau platform.

Eksplotasi Visual Melalui Gambar dan Video

Yusop (2021) dalam laporannya menyatakan bahawa sindiket penipuan dalam kempen derma amal sering menggunakan strategi manipulasi visual dengan mengambil gambar-gambar tertentu yang disertakan dengan keterangan (*caption*) yang emosional. Imej yang menyampaikan emosi yang kuat, seperti kesedihan atau empati, sering digunakan dalam kempen penipuan untuk meningkatkan pujukan mereka. Daya tarikan emosi imej boleh memberi kesan yang signifikan terhadap kejayaan kempen pengumpulan dana dengan mempengaruhi tingkah laku penderma (Hou et al., 2023). Visual seperti gambar masjid usang, pusat tahfiz terbakar, atau kanak-kanak menangis sering digunakan untuk mencipta kesan dramatik. Oleh itu, gambar menjadi alat utama penipuan kerana ia boleh di manipulasi untuk menimbulkan kepercayaan palsu terhadap kesahihan projek. Menurut pakar kriminologi Prof. Madya Dr. Geshina Ayu Mat Saat, strategi ini sangat berkesan kerana masyarakat cenderung mempercayai apa yang dilihat, terutama apabila disertai unsur keagamaan (Bernama, 2024b). Kajian oleh Goering et al. (2009) turut membuktikan bahawa elemen visual, khususnya penggunaan gambar yang mempunyai nilai emosi tinggi, memainkan peranan penting dalam meningkatkan kecenderungan untuk menderma. Mereka mendapati bahawa visual yang menggugah emosi, seperti gambar menyedihkan atau keperluan mendesak, dapat memperkukuhkan keberkesanan kempen permohonan derma, menjadikan responden lebih cenderung mengagihkan jumlah derma yang lebih tinggi. Penemuan ini sejajar dengan taktik sindiket penipuan wakaf digital yang mengeksploitasi visual dramatik seperti gambar masjid usang, pusat tahfiz terbakar, dan kanak-kanak menangis untuk menimbulkan kesan simpati dan seterusnya mendorong tindakan pendermaan tanpa semakan lanjut terhadap kesahihan projek.

Manipulasi Sentimen Agama

Kajian oleh Al Jawi dan Soemitra (2022) menyatakan bahawa sentimen agama memainkan peranan penting dalam mendorong perkembangan platform *crowdfunding* wakaf digital. Penulis mendedahkan bahawa antara konsep dan motif utama di sebalik pembangunan *crowdfunding* wakaf ialah kecenderungan untuk mengaitkan amalan menderma dengan ganjaran ukhrawi, berlandaskan kepercayaan agama yang kukuh terhadap konsep pahala berpanjangan melalui wakaf. Malahan, menurut Hanafi et al. (2024), manipulasi terhadap sentimen agama mampu mengeksploitasi hubungan emosi dan psikologi individu dengan kepercayaan agama mereka, sekali gus menjadikan mereka lebih mudah terdedah kepada aktiviti penipuan berkedok kebajikan.

Senario ini secara tidak langsung membuka ruang kepada pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mengeksploitasi sentimen agama, menggunakan istilah syariah. Ayat-ayat al-Quran, hadis, serta konsep ganjaran pahala wakaf di manipulasi bagi mewujudkan persepsi bahawa kutipan yang dijalankan mempunyai legitimasi syariah. Penderma Muslim secara umumnya menunjukkan kecenderungan tinggi untuk menyumbang apabila mesej disampaikan dalam konteks keagamaan, menjadikan mereka sasaran yang mudah terpengaruh dengan naratif spiritual. Keadaan ini turut menjelaskan mengapa kempen seperti “Wakaf Al-Quran “ atau “Wakaf Telaga Kemboja”, sering tular di media sosial, meskipun ketulenannya sukar disahkan. Tanpa proses semakan atau pengesahan lanjut daripada pihak berautoriti, ramai penderma akhirnya menyokong projek yang tidak sah atau bersifat penipuan. Kajian oleh Teah et al. (2014) turut menyokong fenomena ini apabila mereka mendapati bahawa tahap religiositi mempunyai hubungan signifikan dengan niat menderma; semakin tinggi kepercayaan agama seseorang, semakin besar kecenderungan untuk menyokong aktiviti kebajikan kerana ia dianggap sebagai sebahagian daripada tanggungjawab spiritual.

Isu Perundangan Syariah Berkaitan Wakaf Digital di Malaysia

Wakaf merupakan institusi kebajikan penting dalam Islam yang berperanan sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi umat. Di Malaysia, perundangan syariah yang mengawal selia wakaf, termasuk wakaf digital,

terletak di bawah bidang kuasa negeri seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, Fasal (2), Perkara 74, yang dibaca bersama Jadual Kesembilan, Senarai II, Senarai Negeri. Hal-ehwal berkaitan hukum syarak dan pentadbiran wakaf berada sepenuhnya dalam kuasa negeri, dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) bertindak sebagai pemegang amanah tunggal yang menguruskan semua harta wakaf. Dalam era digital, inovasi seperti *crowdfunding* wakaf telah membuka peluang besar untuk meningkatkan penyertaan masyarakat dalam wakaf, tetapi ia juga menimbulkan cabaran perundangan baru seperti isu kawal selia melibatkan kutipan rentas negeri dan risiko penyelewengan.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri (EPAIN) & Enakmen Negeri Berkaitan Kesalahan Pengurusan Wakaf Sedia Ada

Sebagai asas utama pentadbiran wakaf di Malaysia, setiap negeri telah menggubal Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri (EPAIN) yang memperuntukkan kuasa penuh kepada MAIN untuk mengurus, menyelia dan mengawal segala bentuk harta wakaf. Melalui EPAIN, MAIN diberikan mandat tunggal untuk meluluskan sebarang bentuk pengumpulan dana bagi tujuan wakaf. Majlis-Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) merupakan pemegang amanah tunggal bagi semua harta wakaf sebagaimana yang diperuntukkan dalam akta atau enakmen pentadbiran agama Islam negeri-negeri. Sebagai pemegang amanah, MAIN diberi kuasa untuk melantik atau memberikan kebenaran bertulis kepada mana-mana pihak bagi mengurus dan mentadbir harta wakaf bagi pihaknya. Selain itu, MAIN boleh mengiktiraf pelantikan individu atau entiti pengurus yang dibuat oleh waqif, tertakluk kepada kesesuaian dan kelulusan MAIN. Dalam kedua-dua keadaan tersebut, MAIN turut berkuasa untuk menamatkan pelantikan tersebut jika didapati tidak lagi memenuhi keperluan syarak atau menjejaskan kepentingan wakaf.

Namun, tinjauan terhadap EPAIN mendapati bahawa kebanyakan enakmen ini digubal dalam konteks pra-era digital dan tidak secara eksplisit memperuntukkan mekanisme kawal selia berkaitan kutipan wakaf dalam talian. Kekosongan ini membuka ruang kepada ketidakpastian perundangan, sekali gus mendedahkan wakaf digital kepada risiko penyelewengan dan ketidakpatuhan.

Dalam tempoh 2015 hingga 2018, beberapa negeri mengambil langkah proaktif dengan menggubal enakmen wakaf yang memasukkan peruntukan mengenai kesalahan pengurusan wakaf tanpa kebenaran MAIN. Antaranya, Seksyen 45 Enakmen Wakaf Selangor, Seksyen 43 Enakmen Wakaf Perak, dan Seksyen 45 Enakmen Wakaf Terengganu dengan jelas memperuntukkan bahawa pihak yang menguruskan wakaf tanpa kebenaran boleh dikenakan denda maksimum sehingga RM5,000 atau hukuman penjara tidak melebihi 3 tahun, atau kedua-duanya sekali. Sebagai contoh Seksyen 45 Enakmen Wakaf Terengganu (2016) menyatakan:

Mana-mana orang yang mengurus dan mentadbir wakaf am atau wakaf khas tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit, atau dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya

Peruntukan ini meliputi semua bentuk wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas, dengan tujuan melindungi integriti pengurusan wakaf dan memastikan hanya pihak yang sah diberikan kebenaran untuk menguruskan dana wakaf. Langkah ini adalah positif kerana ia memberikan asas perundangan yang jelas untuk mencegah pihak tidak bertanggungjawab daripada mengambil kesempatan terhadap wakaf. Walaupun langkah ini memperlihatkan kemajuan dari sudut pengawalan institusi wakaf, ia masih tidak secara jelas meliputi mekanisme *crowdfunding* digital yang semakin meluas penggunaannya hari ini.

Perluasan Tafsiran “Pengurusan Wakaf Tanpa Kebenaran” dalam Konteks Digital

Dalam konteks wakaf digital, tafsiran terhadap frasa “menguruskan wakaf tanpa kebenaran” sebagaimana yang diperuntukkan dalam enakmen-enakmen negeri wajar diperluaskan bagi meliputi bentuk-bentuk kutipan dana secara atas talian (*online-based fundraising*) yang tidak mendapat kebenaran rasmi daripada pihak berkuasa agama, khususnya Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Hal ini penting kerana dalam persekitaran digital, aktiviti pengumpulan dana sering kali dijalankan tanpa identiti yang jelas, tanpa penilaian syariah, serta tanpa semakan pematuhan kepada syarat-syarat

wakaf yang sah. Oleh itu, penegasan terhadap tafsiran yang lebih inklusif terhadap “pengurusan tanpa kebenaran” adalah wajar, agar perundangan syariah dapat memberi perlindungan yang setara dalam era digital, sekali gus menutup ruang eksploitasi terhadap istilah “wakaf” oleh pihak yang tidak berautoriti.

Batasan Penguatkuasaan Rentas Negeri

Perundangan syariah di Malaysia bersifat negeri, berasaskan bidang kuasa territorial. Oleh itu, kesan perundangan tersebut terhad kepada sempadan geografi negeri masing-masing sebagaimana diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, Fasal (2), Perkara 74, Jadual Kesembilan, Senarai II,. Dalam konteks *crowdfunding* wakaf digital, kutipan dana kerap melibatkan penyumbang daripada pelbagai negeri, malah daripada luar negara. Ketiadaan mekanisme penguatkuasaan rentas negeri menyebabkan MAIN menghadapi keterbatasan untuk mengambil tindakan terhadap platform-platform digital yang beroperasi secara bebas tanpa mengambil kira sempadan negeri. Fenomena ini mengakibatkan peluang kepada pelaku untuk melakukan “*forum shopping*,” iaitu memilih negeri yang kawal selianya lebih longgar untuk melancarkan operasi kutipan mereka.

Ketiadaan Standard di Peringkat Nasional

Selain batasan bidang kuasa, ketiadaan piawaian atau garis panduan kebangsaan dalam pengurusan wakaf digital menambahkan lagi kompleksiti. Situasi ini menyebabkan berlakunya ketidakselarasan dari segi prosedur pendaftaran, pemantauan, dan penguatkuasaan di antara negeri-negeri, sehingga mewujudkan ketidakpastian undang-undang (*legal uncertainty*) dalam kalangan penderma dan platform pengumpulan dana. Ketidakpastian ini bukan sahaja mengurangkan keberkesanan kawal selia di peringkat negeri, malah membuka ruang kepada manipulasi dan eksploitasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, terutamanya dalam kutipan atas talian yang bersifat merentas sempadan. Tambahan pula, ketiadaan standard nasional turut melemahkan kepercayaan awam terhadap keselamatan dan ketelusan dana wakaf digital, yang mana dalam jangka panjang boleh menjejaskan reputasi institusi wakaf itu sendiri sebagai salah satu instrumen utama pembangunan

umat Islam. Oleh itu, penetapan satu kerangka dasar kebangsaan yang berfungsi sebagai garis panduan minimum kepada semua negeri adalah amat penting bagi memastikan konsistensi pengurusan, memperkasa mekanisme pemantauan, dan memulihkan keyakinan masyarakat terhadap pengurusan wakaf dalam era digital.

Ketidakmampuan Hukuman Sedia Ada untuk Memberi Kesan Pencegahan

Dari perspektif kriminologi, keberkesanan sesuatu hukuman turut bergantung kepada aspek hukuman. Walau bagaimanapun, hukuman maksimum denda RM1,000 hingga RM5,000 atau penjara enam bulan di bawah enakmen negeri didapati terlalu ringan jika dibandingkan dengan nilai kutipan yang kadang kala mencecah ratusan ribu hingga jutaan ringgit. Bagi tujuan perbandingan, perundangan sivil persekutuan di Malaysia memperuntukkan hukuman yang jauh lebih berat bagi kesalahan berkaitan kutipan atau pengendalian wang awam secara tidak sah. Sebagai contoh, di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLA), individu yang terbabit dalam aktiviti pengubahan wang haram boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM5 juta atau penjara sehingga lima belas tahun, atau kedua-duanya sekali [Seksyen 4 AMLA]. Dalam konteks penipuan awam, Seksyen 420 Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun, denda, dan sebatan bagi kesalahan menipu yang melibatkan pemilikan harta secara tidak jujur. Malah, di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Seksyen 233 memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun, jika komunikasi dalam talian digunakan untuk menipu, menyakitkan hati atau menyalahgunakan sistem rangkaian.

Ringannya hukuman sebenarnya membuka ruang kepada pengulangan kesalahan serta melemahkan fungsi *deterrence* dalam konteks perlindungan wakaf digital. Maka, terdapat keperluan mendesak untuk memperkenalkan struktur hukuman yang lebih setimpal dan bersifat menggentarkan.

5. CADANGAN UNTUK PENAMBAHBAIKKAN WAKAF DIGITAL DI MALAYSIA

Dapatan kajian menunjukkan bahawa perundangan sedia ada perlu diselaraskan di peringkat kebangsaan untuk memastikan kawal selia yang konsisten terhadap wakaf digital. *Crowdfunding* wakaf digital sering kali melibatkan penderma dari pelbagai negeri dan bahkan dari luar negara. Dalam konteks ini, perundangan negeri yang terhad kepada sempadan negeri masing-masing tidak mencukupi untuk menangani isu kawal selia platform digital yang bersifat rentas negeri.

Piawaian untuk Wakaf Digital

Kerajaan Persekutuan bersama MAIN perlu memperkenalkan satu piawaian sejagat yang menyelaraskan semua aspek pengurusan wakaf digital. Piawaian ini boleh merangkumi keperluan pendaftaran mandatori bagi semua platform wakaf digital, audit berkala oleh pihak berkuasa agama, dan penyediaan laporan tahunan yang terperinci mengenai penggunaan dana. Piawaian ini juga perlu memasukkan elemen ketelusan dan akauntabiliti sebagai prinsip utama pengurusan wakaf digital. Sebagai agensi di peringkat kebangsaan yang bertanggungjawab dalam hal ehwal wakaf, zakat, dan haji, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) mempunyai potensi besar untuk memainkan peranan sebagai penyelarasan dalam standardisasi pengurusan wakaf digital.

JAWHAR ditubuhkan dengan mandat untuk memacu dasar-dasar berkaitan wakaf di peringkat kebangsaan, termasuk menyelaraskan usaha antara MAIN di setiap negeri. JAWHAR boleh memimpin usaha untuk memperkenalkan satu standard nasional bagi pengurusan wakaf digital. Standard ini perlu menetapkan keperluan asas seperti pendaftaran mandatori bagi semua platform wakaf digital, pelaporan kewangan secara berkala, dan audit telus terhadap semua dana yang dikumpulkan. Dengan piawaian yang seragam, wakaf digital dapat diurus dengan lebih konsisten di seluruh negara, tanpa mengira lokasi penderma atau platform. Ketiadaan standard nasional bukan sahaja menyukarkan pengawalseliaan tetapi juga membuka ruang kepada penyelewengan dan eksploitasi.

Pembangunan Sistem Teknologi

Sebagai agensi penyelaras kebangsaan, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) boleh memanfaatkan teknologi moden seperti *blockchain* untuk membangunkan sistem pengurusan wakaf digital yang lebih telus dan bersepadu. Sistem ini boleh diselaraskan untuk digunakan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di seluruh negara bagi merekodkan transaksi wakaf, memantau penggunaan dana, serta menyediakan laporan yang telus kepada masyarakat. Teknologi *blockchain* membolehkan setiap transaksi direkodkan secara kekal, tidak boleh diubah (*immutable*), dan bersifat rantai terbuka, sekali gus memudahkan proses audit serta meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap platform wakaf digital. Melalui sistem berasaskan *blockchain*, penderma juga dapat menjejaki aliran penggunaan dana mereka secara masa nyata dan memastikan bahawa sumbangan digunakan untuk tujuan yang sah dan beretika. Kajian oleh Wildana dan Imamia (2022) turut menyokong pendekatan ini apabila mereka mendapati bahawa teknologi lejar terdesentralisasi dapat meningkatkan ketelusan sistem pengurusan wakaf secara signifikan. Menurut mereka, semua transaksi berkaitan aset wakaf boleh direkodkan secara automatik dan diakses oleh pihak berkepentingan, sekali gus memperkukuh elemen akauntabiliti serta mengurangkan kebergantungan terhadap pihak ketiga dalam proses pemantauan.

Hukuman yang Lebih Tegas

Hukuman di bawah enakmen sedia ada perlu diperketat bagi meningkatkan kesan pencegahan terhadap jenayah penipuan melalui platform *crowdfunding* wakaf digital. Kelonggaran dalam peruntukan hukuman seperti denda yang terlalu minimum atau tempoh penjara yang singkat dilihat tidak lagi relevan dengan tahap kerumitan dan impak kewangan penipuan digital masa kini. Oleh itu, satu pendekatan progresif perlu dipertimbangkan, antaranya dengan menetapkan kadar denda berdasarkan jumlah dana yang dikumpulkan secara tidak sah. Contohnya, bagi setiap kategori jumlah kutipan, skala denda minimum dan maksimum boleh ditetapkan agar ada padanan yang munasabah antara jumlah kerugian penderma dan berat hukuman yang dikenakan. Selain itu, tempoh hukuman penjara juga wajar dipanjangkan bagi kes-kes yang melibatkan penipuan berskala besar atau bersindiket, khususnya apabila melibatkan eksploitasi sentimen agama. Pendekatan ini bukan sahaja akan

memastikan hukuman yang dikenakan adalah setimpal dengan kesalahan, malah berperanan sebagai mekanisme pencegahan yang efektif terhadap pihak yang berpotensi untuk mengulangi kesalahan. Penstrukturan semula hukuman ini juga perlu disokong dengan pindaan perundangan di peringkat negeri dan persekutuan agar selaras dengan cabaran jenayah digital yang semakin sofistikated dan merentas sempadan.

Gubal Akta Khas Berkaitan Pengurusan Wakaf Digital Melalui *Crowdfunding*

Salah satu langkah penting untuk memastikan pengurusan wakaf digital yang lebih sistematik dan telus adalah dengan menggubal akta khas yang secara khusus mengawal selia aspek-aspek berkaitan wakaf digital. Pada masa ini, tiada undang-undang khas di peringkat kebangsaan mahupun negeri yang menangani secara menyeluruh isu-isu berkaitan pengurusan dana wakaf digital, termasuk kawalan ke atas kos pengurusan daripada jumlah kutipan yang sering diamalkan di platform digital. Situasi ini membuka ruang kepada pihak tidak bertanggungjawab, termasuk sindiket, untuk mengambil kesempatan ke atas kelemahan ini. Akta khas ini perlu memperuntukkan kawalan yang lebih ketat terhadap pengumpulan dan penggunaan dana wakaf digital. Antaranya, akta ini boleh menetapkan had maksimum kos pengurusan yang boleh dikenakan oleh platform wakaf digital, selain mewajibkan laporan kewangan terperinci dan audit tahunan oleh pihak berkuasa agama. Peruntukan undang-undang ini juga perlu meliputi hukuman berat terhadap mana-mana pihak yang terbukti menyalahgunakan dana wakaf atau melanggar peraturan yang ditetapkan.

Pendidikan kepada Masyarakat

Institusi agama boleh menjalankan kempen kesedaran untuk mendidik masyarakat tentang keperluan mendapatkan kebenaran daripada MAIN sebelum memulakan kempen wakaf digital. Penderma juga perlu dididik tentang cara mengenal pasti platform wakaf digital yang sah dan patuh syariah. Langkah ini penting untuk mengurangkan risiko penipuan dan meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap sistem wakaf digital.

6. KESIMPULAN

Wakaf digital mempunyai potensi besar untuk menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat Islam, tetapi pengurusan yang tidak terkawal boleh membawa kepada penyelewengan dan kehilangan kepercayaan masyarakat. Kajian ini menegaskan bahawa meskipun wakaf digital merupakan inovasi signifikan dalam memperkasa ekonomi umat Islam melalui penyertaan yang lebih luas dan mudah diakses, namun kelemahan dalam aspek kawal selia, penguatkuasaan perundangan, dan pematuhan syariah telah membuka ruang besar kepada penyalahgunaan sistem ini, khususnya melalui modus penipuan *crowdfunding* yang mengeksploitasi sentimen keagamaan dan elemen visual yang menyentuh emosi.

Dapatan menunjukkan bahawa kelemahan struktur kawal selia pada peringkat negeri, ketiadaan standard nasional, dan hukuman yang terlalu ringan telah menjadi antara punca utama ketidakefektifan sistem perundangan semasa dalam membendung jenayah siber berkaitan wakaf digital. Fenomena ini memperlihatkan wujudnya keperluan mendesak terhadap pembaharuan menyeluruh terhadap ekosistem pengurusan wakaf digital, termasuk penambahbaikan dasar, perundangan, dan teknologi. Penstrukturan semula perundangan wakaf digital bukan hanya perlu menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi semasa, malah harus memastikan prinsip-prinsip maqasid Syariah terpelihara melalui elemen ketelusan, akauntabiliti, dan keadilan.

Sehubungan itu, kajian lanjutan turut disarankan agar memberi tumpuan kepada kajian kes mendalam, temu bual bersama pihak berkaitan seperti pakar perundangan, serta kaji selidik terhadap penderma bagi memahami corak tingkah laku dan tahap kepercayaan masyarakat terhadap wakaf digital. Pendekatan campuran (*mixed-method*) juga wajar diteroka bagi memperkukuh triangulasi data dan memastikan cadangan pembaharuan yang dikemukakan adalah berasaskan bukti serta sesuai dilaksanakan secara praktikal.

7. PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Akademi Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) atas sokongan ilmiah sepanjang proses penulisan dan penyelidikan ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) atas kerjasama dan peluang kolaboratif yang diberikan, khususnya dalam perbincangan ilmiah serta pandangan pakar yang sangat bernilai.

8. RUJUKAN

- Abdull Manaf, A. W., Hua Siong, W., & Abdul Razak, H. (2025). Modernizing Waqf: Navigating Legal And Digital Frontiers In The 21st Century. *Azka International Journal Of Zakat & Social Finance*, 6(1), 117–136.
- Afifi, A. A. (2024). Waqf Business Model (Wbm): Towards A Sustainable Social Business Model On The Mainstream Economics. *Journal Of Regional Development And Technology Initiatives*, 2(2), 63–78. <https://doi.org/10.58764/J.Jrdti.2024.2.75>
- Ahmad Sanusi, S. W. S., Yaacob, S. E., & Md Salleh, M. F. (2021). Wakaf Zurri: Instrumen Pengurusan Harta Dalam Pembangunan Tamadun Islam. *Journal Of Al-Tamaddun*, 16(1), 139–152. <https://doi.org/10.22452/Jat.Vol16no1.10>
- Al Jawi, A., & Soemitra, A. (2022). Studi Literatur Cash Waqf Crowdfunding Di Indonesia. *Human-Falah : Jurnal Studi Ekonomi Dan Bisnis Islam/ Human Falah*, 9(1), 83–96. <https://doi.org/10.30829/Hf.V9i1.10625>
- Alam, A., Sukmana, R., Priandana, D., & Bafana, F. A. (2023). Waqf Crowdfunding System On Donation Application. *Al-Awqaf: Jurnal Wakaf Dan Ekonomi Islam*, 16(1), 1–22. <https://doi.org/10.47411/Al-Awqaf.Vol16iss1.178>
- Al-Daihani, M., Sufian, A., & Madun, A. (2024). Donors' Intentions To Use Crowdfunding-Based Waqf Model In Kuwait: Application Of Unified Theory On Acceptance And Use Of Technology (Utaut) Model. *Journal Of Islamic Marketing*, 15(10). <https://doi.org/10.1108/Jima-01-2023-0022>
- Al-Haitami, I. H. (n.d.). Tuhfah Al-Muhtaj Fi Syarh Al-Minhaj. Dar Ihya' Al-Turath Al-Arabi.
- Al-Kasani, A. D. M. (1986). Bada'i Wa Al Sana'i Fi Tartib Al Syara'i. Dār Al Kutub Al 'Ilmiyyah.
- Aziz, A. (2024, February). Jaipk Tahan Lelaki Guna Kutipan Wakaf Al-Quran Bayar Bil, Sewa Rumah, Raih Rm1,000 Sebulan. *Astroawani.Com*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jaipk-tahan-lelaki-guna-kutipan-wakaf-alquran-bayar-bil-sewa-rumah-raih-rm1000-sebulan-457671>
- Bakar, B. (2017, November 8). *Jheat Diarah Siasat Sindiket Wakaf Al-Quran*. Berita Harian. https://www.bharian.com.my/Berita/Wilayah/2017/11/348233/Jheat-Diarah-Siasat-Sindiket-Wakaf-Al-Quran#Google_Vignette

- Bernama. (2024a, September 12). *Derma Dalam Talian: Tiada Akta Khusus Kekang Penguatkuasaan - Pdrm*. Bernama. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2372280>
- Bernama. (2024b, September 12). *Seleweng Dana Sumbangan: Mangsa Sebenar Golongan Memerlukan - Pakar*. Bernama. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2370352>
- Daud, M. Z., Mat Hussin, M. N., & Syed Mohamad, S. A. M. (2023). Pembangunan Tamadun Melalui Wakaf Keluarga: Analisis Dari Perspektif Sejarah Islam. *Journal Of Al-Tamaddun*, 18(2), 71–86.
- Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015
- Enakmen Wakaf (Perak) 2015
- Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016
- Goering, E., Connor, U. M., Nagelhout, E., & Steinberg, R. (2009). Persuasion In Fundraising Letters: An Interdisciplinary Study. *Nonprofit And Voluntary Sector Quarterly*, 40(2), 228–246. <https://doi.org/10.1177/0899764009339216>
- Hanafi, A. H. A., Saufi, M. S. A. M., Wahab, M. Z. H., Sobry, S. C., & Muhammad, M. H. (2024). The Intersection Of Faith And Fraud: Analyzing The Dynamics Of Faith Manipulation In Investment Schemes. *International Journal Of Research And Innovation In Social Science*, VIII(IX), 2878–2885. <https://doi.org/10.47772/Ijriiss.2024.8090241>
- Hisham, M. F. B., & Muwazir, M. R. (2021). Analisis Amalan Pelaporan Dan Pendedahan Maklumat Wakaf Di Malaysia. *Labuan E-Journal Of Muamalat And Society (Ljms)*, 15(Special Issue), 75–89. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/ljms/article/view/3482/2271>
- Hou, J.-R., Zhang, J., & Zhang, K. (2023). Pictures That Are Worth A Thousand Donations: How Emotions In Project Images Drive The Success Of Online Charity Fundraising Campaigns? An Image Design Perspective. *Mis Quarterly*, 47(2), 535–584. <https://doi.org/10.25300/Misq/2022/17164>
- Ibn Qudamah, A. A. (1977). *Al-Mughni*. Dar Al-Kutub Al-Alilmiyyah.
- Ismayanti, I., & Waliyuddinsyah, M. N. (2024). Kebijakan Sertifikasi Wakaf: Tantangan Dan Prospek Pengembangan Wakaf Di Indonesia. *Journal Of Science And Social Research*, 7(4), 1741–1748. <https://www.jurnal.goretanpena.com/index.php/jssr/article/view/2302/1381>
- Kahf, M. (1998). Financing The Development Of Awqaf Property. *American Journal Of Islam And Society*, 16(4), 39–66. <https://doi.org/10.35632/>

Ajis.V16i4.2099

- Kumar, A., & Chakrabarti, S. (2021). Charity Donor Behavior: A Systematic Literature Review And Research Agenda. *Journal Of Nonprofit & Public Sector Marketing*, 35(1), 1–46. <https://doi.org/10.1080/10495142.2021.1905134>
- Kunz, M., Englisch, O., & Bretschneider, U. (2017). Build Your City! – Engaging Citizens In Crowdfunding Projects. *Twenty-Fifth European Conference On Information Systems (Ecis)*, 703–719.
- Kusumastuti, A. S., & Ghozali, M. (2020). Konsep Welfare State Pada Kebijakan Umar Bin Abdil Aziz Sebagai Khalifah Bani Umayyah. *Asas : Jurnal Hukum Ekonomi Syariah*, 12(01), 1–18. <https://doi.org/10.24042/Asas.V12i01.6920>
- Manshor, N. M., Hussin, R., Mohamad Sirat, N. I., & Abdullah Sanek, S. K. (2024). Digital Waqf In Malaysia: Legal Analysis And Current Challenges. *International Journal Of Law, Government And Communication*, 9(36), 99–111. <https://doi.org/10.35631/Ijlgc.936008>
- Md. Mahmudul, A., Shawon, M. S., Jamaliah, S., & Mohammad, M.-E.-E. (2018). Waqf As A Tool For Rendering Social Welfare Services In The Social Entrepreneurship Context. *Global Journal Al Thaqafah*, 8(1), 87–98. <https://doi.org/10.7187/Gjatsi2018-06>
- Mitra, D. (2012). The Role Of Crowdfunding In Entrepreneurial Finance. *Delhi Business Review*, 13(2), 67–72.
- Novitarani, A., & Setyowati, R. (2018). Analisis Crowdfunding Syariah Berdasarkan Prinsip Syariah Compliance Serta Implementasinya Dalam Produk Perbankan Syariah. *Al-Manahij: Jurnal Kajian Hukum Islam*, 12(2), 247–262. <https://doi.org/10.24090/Mnh.V12i2.1759>
- Ramli, M. A. (2024, July 8). *Pempengaruh Seleweng Duit Derma: Polis Minta Buat Laporan*. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/673932/berita/semasa/pempengaruh-seleweng-duit-derma-polis-minta-buat-laporan>
- Ridwan, M. (2018). Wakaf Dan Pembangunan Ekonomi. *Ziswaf: Jurnal Zakat Dan Wakaf*, 4(1), 105. <https://doi.org/10.21043/Ziswaf.V4i1.3034>
- Sargeant, A., & Woodliffe, L. (2007). Building Donor Loyalty: The Antecedents And Role Of Commitment In The Context Of Charity Giving. *Journal Of Nonprofit & Public Sector Marketing*, 18(2), 47–68. https://doi.org/10.1300/J054v18n02_03
- Sidiq, S. S., Jalil, A., & Achmad W, R. W. (2021). Virtual World Solidarity: How Social Solidarity Is Built On The Crowdfunding Platform Kitabisa.

- Com. *Webology*, 18(1), 192–202. <https://doi.org/10.14704/Web/V18i1/Web18083>
- Teah, M., Lwin, M., & Cheah, I. (2014). Moderating Role Of Religious Beliefs On Attitudes Towards Charities And Motivation To Donate. *Asia Pacific Journal Of Marketing And Logistics*, 26(5), 738–760. <https://doi.org/10.1108/Apjml-09-2014-0141>
- Wildana, M. D. A., & Imamia, T. L. (2022). Waqf In The 21st Century: The Implementation Of Blockchain And Smart Contract Technology. *Journal Of International Conference Proceedings*, 5(1). <https://doi.org/10.32535/Jicp.V5i1.1774>
- Yusop, S. H. (2021, February). Sindiket Tipu Wakaf Telaga Kemboja. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/Berita/Nasional/2021/02/782200/Sindiket-Tipu-Wakaf-Telaga-Kemboja>